

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada buku jawapan yang dibekalkan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama, Tingkatan dan Sekolah di **Buku Jawapan** dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Nyatakan prinsip dan andaian perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi berikut:
- (i) Premis Perniagaan Hana direkodkan pada harga belian iaitu RM250 000 walaupun harga pasaran ialah RM550 000. [1 markah]
 - (ii) Penyata kewangan bagi Perkongsian Elmira telah disediakan berdasarkan semua urus niaga yang berlaku mulai 1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2024. [1 markah]

- (b) Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperoleh daripada Kedai Elektrik Anita.

Puan Anita telah mengambil barang niaga bernilai RM1 500 untuk tujuan promosi.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan? [2 markah]

- (c) Kesilapan berikut telah dikesan oleh kerani Pusat Perabot Indah.

Faedah Pinjaman Bank RM500 telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Faedah Pinjaman Bank.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am? [2 markah]

- (d) Mutiara Berhad mempunyai Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh sebanyak RM1 000 000 yang terdiri daripada 300 000 unit 8% Syer Keutamaan dan bernilai RM2.00 sesyer dan 400 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer pada 31 Disember 2023.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 dengan menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik sahaja. [2 markah]

- (e) Berikut adalah maklumat berkaitan Kelab Rekreasi Sentosa.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran	5 640		

Maklumat tambahan:

31 Disember 2023

	RM
Yuran Belum Terima	250
Yuran Belum Terperoleh	200

Hitung jumlah yuran bagi tahun 2023.

[2 markah]

- 2 Puan Mazihah menjalankan Perniagaan MZ di Bandar Sentosa, Selangor. Beliau tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam rekod perniagaan. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap enam bulan. Baki aset dan liabiliti perniagaan pada 1 Januari 2024 adalah seperti berikut:

	RM
Premis	100 000
Alatan pejabat (kos)	5 000
Kenderaan (kos)	60 000
Akaun Belum Terima	4 785
Akaun Belum Bayar	3 093
Bank	5 115
Susut nilai terkumpul kenderaan	6 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	500
Pinjaman	24 000
Inventori	2 860

Maklumat tambahan:

- (i) Mesin pencetak RM600 dibeli untuk kegunaan perniagaan dengan menggunakan wang peribadi pemilik. Aset berkenaan dibeli pada 1 Februari 2024, namun belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (ii) Pemilik telah mengambil barang niaga sebanyak RM100 pada bulan Mei untuk kegunaan keluarganya.
- (iii) Diskaun diterima dengan cek sebanyak RM126 terlupa rekod.
- (iv) Alatan pejabat disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus manakala kenderaan disusutnilaikan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah nilai buku.
- (v) Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 5%.
- (vi) Pinjaman bank RM30 000 diperoleh pada 1 Januari 2023 dan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Kadar faedah pinjaman 5% setahun.
- (vii) Faedah atas pinjaman belum bayar RM150.
- (viii) Sewa premis bulanan RM600 belum diterima sejak 1 Januari 2024.

(ix) Berikut adalah senarai baki aset dan liabiliti pada 30 Jun 2024:

	RM
Premis	100 000
Alatan pejabat	?
Kenderaan	?
Bank	6 560
Akaun Belum Terima	3 760
Akaun Belum Bayar	3 149
Pinjaman	21 000
Inventori	2 580

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal Awal [5 markah]
- (b) Penyata Mengira Untung Rugi [5 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024 [13 markah]
- (d) Terangkan **dua** sebab rekod tak lengkap. [2 markah]

3 Amil dan Rita merupakan pekongsi dalam AR & Co.

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas modal 6% setahun.
- (ii) Amil dibayar gaji RM1 000 sebulan.
- (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- (iv) Faedah atas ambilan 5% setahun.
- (v) Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah 3 : 2.

Berikut adalah Imbangan Duga yang dipetik daripada buku AR & Co. pada 31 Julai 2024.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Ogos 2023:		
Amil		30 000
Rita		20 000
Ambilan:		
Amil	2 000	
Rita	3 000	
Akaun Semasa 1 Ogos 2023:		
Amil		2 320
Rita	1 200	
Lengkapan (kos)	12 800	
Susut nilai terkumpul lengkapan		1 280
Kenderaan (kos)	40 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		2 000
Akaun Belum Terima	10 330	
Akaun Belum Bayar		8 100
Peruntukan hutang ragu		430
Untung Kasar		42 190
Diskaun	420	230
Sewa		7 000
Gaji pekerja	12 000	
Insurans	3 800	
Kadar bayaran	780	
Pinjaman Amil		8 000
Bank	28 600	
Inventori 1 Ogos 2023	6 320	
Faedah atas pinjaman pekongsi	300	
	121 550	121 550

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori 31 Julai 2024 dinilaikan RM6 290.
- (ii) Sewa bulanan RM500.
- (iii) Insurans prabayar RM400.
- (iv) Seorang pelanggan telah didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM330 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Polisi susut nilai:
 - Lengkapan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
 - Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vii) Rita telah membayar insurans peribadinya RM600 pada 31 Januari 2024 dengan menggunakan cek perniagaan tetapi perkara ini belum direkod di mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024 [9 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024 [6 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi [9 markah]
- (d) Nyatakan **sat** kandungan dalam Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961. [1 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Nayla Cookies yang dimiliki oleh Puan Nayla merupakan sebuah perniagaan yang menjual biskut di Shah Alam, Selangor.

Dokumen berikut diperoleh daripada perniagaan beliau sepanjang bulan Mac 2024.

MEMO		N001/24
Nayla Cookies		
No. 12, Jalan Tengku Intan, 40100 Shah Alam, Selangor. 03-5522 1197		
		Tarikh: 1 Mac 2024
Baki-baki aset dan liabiliti pada 1 Mac 2024:		
		RM
Lengkapan		5 500
Inventori		1 200
Bank		25 600
Tunai		450
Tunai runcit		70
Akaun Belum Terima: Sara Enterprise		1 220
Akaun Belum Bayar: Pembekal May		2 640
		Nayla
		Pengurus

Dokumen 1

KERATAN CEKTarikh : 1 Mac 2024Penerima : Puan NaylaTujuan : Rekupmen tunai runcit

	RINGGIT	SEN
Baki terakhir	25 600	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	25 600	00
Cek ini	230	00
Baki	25 370	00

MBB 001401

Dokumen 2

KERATAN CEKTarikh : 1 Mac 2024Penerima : Puan NaylaTujuan : Rekupmen tunai runcit

	RINGGIT	SEN
Baki terakhir	25 600	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	25 600	00
Cek ini	230	00
Baki	25 370	00

MBB 001401

Dokumen 2

ASAL

INV. 0221

INVOIS

Stesen Biskut Nur
No. 20, Jalan Mahligai,
47120 Puchong, Selangor.
03-8411 5528

Tarikh: 3 Mac 2024

Kepada:

Nayla Cookies

No. 12, Jalan Tengku Intan,
40100 Shah Alam, Selangor.

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Biskut tart nenas	100	18.00	1 800.00
2	Biskut dahlia klasik	100	17.00	1 700.00
3	Biskut gajus rangup	100	18.00	1 800.00
4	Biskut badam coklat	100	18.00	1 800.00
				7 100.00
Tolak: Diskaun niaga 10%				(710.00)
Jumlah				6 390.00

(Ringgit Malaysia: Enam ribu tiga ratus sembilan puluh sahaja)

Syarat : 7% 5 hari, 3% 10 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. di K

Nayla

Penerima

Nur

Pengurus

Dokumen 3



ASAL	ND 112								
NOTA DEBIT Stesen Biskut Nur No. 20, Jalan Mahligai, 47120 Puchong, Selangor. 03-8411 5528									
Tarikh: 4 Mac 2024									
Kepada: Nayla Cookies No. 12, Jalan Tengku Intan, 40100 Shah Alam, Selangor.									
Akaun puan telah didebitkan seperti berikut:									
<table><thead><tr><th>Butiran</th><th>RM</th></tr></thead><tbody><tr><td>Biskut dahlia klasik terkurang caj RM1.00 (100 botol × RM1.00)</td><td>100.00</td></tr><tr><td><i>Tolak. Diskaun niaga 10%</i></td><td>(10.00)</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>90.00</td></tr></tbody></table>	Butiran	RM	Biskut dahlia klasik terkurang caj RM1.00 (100 botol × RM1.00)	100.00	<i>Tolak. Diskaun niaga 10%</i>	(10.00)	Jumlah	90.00	
Butiran	RM								
Biskut dahlia klasik terkurang caj RM1.00 (100 botol × RM1.00)	100.00								
<i>Tolak. Diskaun niaga 10%</i>	(10.00)								
Jumlah	90.00								
(Ringgit Malaysia: Sembilan puluh sahaja)									
<u>Nayla</u> Penerima	<u>Nur</u> Pengurus								

Dokumen 4

ASAL	No. Resit: 4119
RESIT RASMI Pembekal May No. 23, Kompleks Berjaya, 45000 Kuala Selangor, Selangor. 03-8314 0441	
Tarikh: 7 Mac 2024	
Diterima daripada : <u>Nayla Cookies</u>	
Ringgit Malaysia : <u>Dua ribu enam ratus empat puluh sahaja</u>	
Untuk bayaran : <u>Keseluruhan baki hutang</u>	
RM2 640.00	
Tunai / No. Cek: MBB 001402	
<u>May</u> Pengurus	

Dokumen 5

SALINAN

INV. 0401

INVOIS

Nayla Cookies

No. 12, Jalan Tengku Intan,
40100 Shah Alam, Selangor.
03-5522 1197

Tarikh: 11 Mac 2024

Kepada:

Kedai Biskut Hanis

No. 5, Jalan Mewah,
40100 Shah Alam, Selangor.

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Biskut tart nenas	50	23.00	1 150.00
2	Biskut dahlia klasik	70	23.00	1 610.00
3	Biskut gajus rangup	30	23.00	690.00
4	Biskut badam coklat	60	23.00	1 380.00
				4 830.00
Tolak: Diskaun niaga 10%				(483.00)
Jumlah				4 347.00

(Ringgit Malaysia: Empat ribu tiga ratus empat puluh tujuh sahaja)

Syarat : 5% 10 hari, 2% 15 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. di K

Hanis

Penerima

Nayla

Pengurus

Dokumen 6

B013/24		
BAUCAR TUNAI RUNCIT Nayla Cookies No. 12, Jalan Tengku Intan, 40100 Shah Alam, Selangor. 03-5522 1197		
Kepada: Cik Yasmin binti Yusof		
Tarikh	Keterangan	Jumlah (RM)
13 Mac 2024	Tambang teksi	30.00
<u>Yasmin</u> Penerima		<u>Nayla</u> Pengurus

Dokumen 7

N002/24	
MEMO Nayla Cookies No. 12, Jalan Tengku Intan, 40100 Shah Alam, Selangor. 03-5522 1197	
Tarikh: 17 Mac 2024	
Kepada: Pengurus Akaun Daripada: Nayla binti Nazri	
Perkara: Pemilik mengambil tunai RM300 untuk tujuan peribadi.	
<u>Nayla</u> Pengurus	

Dokumen 8

ASAL

M9985

INVOIS

Pembekal May

No. 23, Kompleks Berjaya,
45000 Kuala Selangor, Selangor.
03-8314 0441

Tarikh: 19 Mac 2024

Kepada:

Nayla Cookies

No. 12, Jalan Tengku Intan,
40100 Shah Alam, Selangor.

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Biskut red velvet	100	16.00	1 600.00
2	Biskut pandan	100	16.00	1 600.00
				3 200.00
Tolak: Diskaun niaga 10%				(320.00)
Jumlah				2 880.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu lapan ratus lapan puluh sahaja)

Syarat : 7% 5 hari, 3% 10 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. di K

Nayla

Penerima

May

Pengurus

Dokumen 9

B014/24		
BAUCAR TUNAI RUNCIT Nayla Cookies No. 12, Jalan Tengku Intan, 40100 Shah Alam, Selangor. 03-5522 1197		
Kepada: Cik Siti Ameena binti Amran		
Tarikh	Keterangan	Jumlah (RM)
22 Mac 2024	Upah mencuci kedai	60.00
<u>Siti Ameena</u> Penerima		<u>Nayla</u> Pengurus

Dokumen 10

SALINAN

BT 0122

BIL TUNAI

Nayla Cookies

No. 12, Jalan Tengku Intan,
40100 Shah Alam, Selangor.
03-5522 1197

Tarikh: 27 Mac 2024

Kepada:

Puan Salina binti Ahmad

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Biskut tart nenas	40	23.00	920.00
2	Biskut dahlia klasik	20	23.00	460.00
3	Biskut gajus rangup	20	23.00	460.00
4	Biskut badam coklat	20	23.00	460.00
5	Biskut red velvet	30	21.00	630.00
6	Biskut pandan	30	21.00	630.00
Jumlah				3 560.00

(Ringgit Malaysia: Tiga ribu lima ratus enam puluh sahaja)

RM3 560.00

Tunai / No. Cek:

Salina
Penerima

Nayla
Pengurus

MEGA BANK BERHAD					
Mega Bank Berhad (0144-M)					
REKOD URUSAN : DEPOSIT					
JUMLAH		TARIKH		MASA	
RM3 500.00		28/03/2024		08:15 AM	
DARI		KEPADA		TEMPAT	
		OTHER A/C		KLANG	
NOMBOR AKAUN = 18643642096-3					
RM2	=	0	RM5	=	0
RM20	=	0	RM50	=	30
			RM10	=	0
			RM100	=	20
SILA SIMPAN PENYATA UNTUK REKOD ANDA TERIMA KASIH KERANA BERURUSAN DENGAN KAMI <i>RETAIN STATEMENT FOR YOUR RECORD</i> <i>THANK YOU FOR BANKING WITH US</i>					

Dokumen 12

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|-----------------------|------------|
| (a) Jurnal Am | [2 markah] |
| (b) Jurnal Belian | [4 markah] |
| (c) Jurnal Jualan | [2 markah] |
| (d) Buku Tunai | [7 markah] |
| (e) Buku Tunai Runcit | [5 markah] |

5

- (a) Petikan Imbangan Duga Kedai Kek Comel menunjukkan baki-baki berikut pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

Kedai Kek Comel
Imbangan Duga pada 30 Jun 2023

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	12 600	
Peruntukan hutang ragu		128
Hutang lapuk	180	
Sewa	3 000	

Maklumat tambahan:

- (i) Seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis dan hutangnya berjumlah RM250 dianggap lapuk.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iii) Kedai Kek Comel membayar sewa sebanyak RM300 sebulan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Hutang Lapuk
- (ii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (iii) Akaun Sewa

[3 markah]

[3 markah]

[3 markah]

- (b) Petikan Imbangan Duga Syarikat Perkasa adalah seperti berikut. Tahun kewangan Syarikat Perkasa berakhir pada 31 Disember 2022.

Syarikat Perkasa
Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

	Debit RM	Kredit RM
Lengkapan	35 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		6 650

Maklumat tambahan:

- (i) Susut nilai lengkapan adalah 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Sebuah lengkapan yang telah dibeli pada 1 Mac 2022 dengan harga RM3 000 telah dijual secara tunai pada 31 Disember 2023 dengan harga RM2 400.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Lengkapan [3 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan [4 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Lengkapan [4 markah]

- 6 Perniagaan Susu Come Being yang beroperasi di Shah Alam, Selangor, mengeluarkan minuman susu kambing segar pelbagai perisa secara kecil-kecilan.

Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan tersebut.

	RM
Bahan langsung	19 500
Cap dagangan	3 500
Angkutan masuk	200
Sewa	6 000
Kadar bayaran	2 400
Gaji pengurus	4 000
Gaji pekerja kilang	7 000
Jumlah hasil	55 000
Unit pengeluaran 10 000 botol	

Anda dikehendaki:

(a) Menghitung:

- (i) kos berubah seunit [2 markah]
- (ii) kos tetap [2 markah]
- (iii) harga jualan seunit [2 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (v) keuntungan yang diperolehi jika unit yang dikeluarkan ialah 15 000 botol. [3 markah]

(b) Berdasarkan jawapan anda di 6(a):

- (i) Lakar graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan:
 - (1) Garisan kos tetap, jumlah hasil dan jumlah kos
 - (2) Titik Pulang Modal
 - (3) Kawasan untung dan rugi [8 markah]
- (ii) Nyatakan **satu** kegunaan Titik Pulang Modal. [1 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT